

DR.20.10.2005

(i)

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 57

Khamis

20 Oktober 2005

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Ucapan Takziah Kepada Perdana Menteri Atas Kembalinya
Ke Rahmatullah Datin Seri Endon Binti Dato Mahmood**

(Halaman 1)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 20 Oktober 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *Mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA PERDANA MENTERI ATAS KEMBALINYA KE
RAHMATULLAH DATIN SERI ENDON BINTI DATO MAHMOOD**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, ingin saya memaklumkan bahawa Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon binti Dato' Mahmood, isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, telah kembali ke rahmatullah pada jam 7.55 pagi ini. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta seluruh keluarganya. Kita berdoa moga-moga Allah SWT akan mencucuri rahmat ke atas rohnya dan menempatkannya di antara roh-roh yang soleh dan solehah.

Oleh yang demikian saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun, kepada yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarhamah dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit. Al-Fatihah.

[Ahli-ahli beragama Islam membaca surah Al-Fatihah]

[Majlis bertafakur selama satu minit]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat oleh itu bagi menghormati Allahyarhamah Datin Seri Endon binti Dato' Mahmod, saya dengan ini menangguhkan Majlis Mesyuarat ini sekarang sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 24 Oktober 2005. Sekian.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.10 pagi]